

07/08/2003

Sukan tarikan pelancong ke Melaka

MELAKA: Kerajaan negeri akan terus memberi kerjasama dan sokongan terhadap kegiatan sukan kerana ia dapat membantu meningkatkan industri pelancongan di negeri ini, kata Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Beliau berkata, kehadiran pelancong melalui pelbagai tujuan dan kegiatan termasuk mengambil bahagian dalam acara sukan sudah tentu meningkat jumlah kedatangan pelancong ke negeri ini.

Sebagai contohnya, katanya, seramai 2.97 juta pelancong melawat negeri ini tahun lalu iaitu meningkat 15.8 peratus berbanding dalam tempoh yang sama pada tahun sebelumnya.

Beliau berkata, seramai 1.49 juta pelancong melawat Melaka sehingga Jun lalu iaitu meningkat 9.8 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2002.

"Berikutan itu, kerajaan negeri memberi perhatian serius kepada sektor pelancongan di negeri ini kerana kerancakkan sektor pelancongan memberi kesan secara langsung kepada pembangunan ekonomi negeri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Kejohanan Badminton Piala Perdana 2003 di Stadium Mini Bistari, Ayer Keroh di sini, semalam.

Turut hadir, isteri Perdana Menteri yang juga Yang Dipertua Bakti, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; isteri Ketua Menteri yang juga Pengerusi Bistari, Datin Seri Asmah Abd Rahman; Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Amid Nordin dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Ahmad Rosli Joharie.

Kejohanan Badminton Piala Perdana 2003 membabitkan isteri menteri, timbalan menteri dan wakil rakyat dari seluruh negara bermula kelmarin dan berakhir Sabtu ini.

Majlis penutup dan penyampaian hadiah akan disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mengenai kejohanan itu, Mohd Ali berkata, ia dapat meningkatkan hubungan silaturahim antara isteri pemimpin pusat dan isteri pemimpin di peringkat negeri.

"Kerajaan negeri berbangga kejohanan yang dicetuskan oleh Dr Siti Hasmah sejak 19 tahun lalu menjadi wadah terbaik untuk isteri pemimpin bertemu dan bertukar fikiran antara satu sama lain," katanya.